

Kepimpinan Wanita Dalam Politik Dari Perspektif *Siyāṣah Syar‘iyyah*

Sharifah Hayaati Syed Ismail

Abstract

This article tries to elaborate the position of women leaders in Islam according to various opinions given by the fuqaha'. Besides, the writer also gives suggestions on which opinion is preferable and recommendable according to the situation in Malaysia vis-a-vis the political and administrative system as well as the capability of Muslim women in the country.

Pendahuluan

Penglibatan wanita dalam bidang politik, sama ada secara langsung atau tidak langsung, bukanlah suatu fenomena baru. Ia telah diterima umum berabad-abad lamanya di dunia. Dalam sejarah Islam sendiri, wanita telah melibatkan diri dalam arena ini sebelum Nabi Muhammad s. 'a.w diutus sebagai Nabi dan Rasul yang terakhir. Keagungan Ratu Balqis yang memerintah Kerajaan Saba' sudah cukup membuktikan keupayaan wanita dalam berpolitik pada ketika itu, atau paling tidak membuktikan bahawa wanita berperanan mencorakkan politik sesebuah negara.

Keadaan ini secara tidak langsung tergambar di dalam Surah al-Naml: 23 yang bermaksud;

“Sesungguhnya aku (Nabi Sulaiman ‘a.s) menjumpai seorang wanita (Ratu Balqis) yang memerintah mereka, dan dia dianugerahkan segala sesuatu serta mempunyai singgahsana yang besar.”

Walaupun ahli tafsir kebanyakannya bersetuju mengatakan ayat di atas bukan bertujuan untuk menggambarkan kedudukan pemerintahan Ratu Balqis tetapi lebih kepada menunjukkan gambaran keadaan masyarakatnya yang menyembah matahari. Ia walaubagaimanapun telah dengan jelas menunjukkan posisi wanita yang pada suatu ketika yang lampau telahpun memainkan peranan dalam politik iaitu memerintah atau mentadbir negara.

Di zaman Rasulullah s.‘a.w sendiri, walaupun wanita tidak memimpin namun merekalah golongan pertama yang memberikan ketaatan atau *bay‘ah* dengan membenarkan kenabian Muhammad s.‘a.w, iaitulah isterinya Saidatina Khadijah binti Khuwailid. Persoalan ini bukan perkara kecil tetapi sangat besar kepada perkembangan dakwah Rasulullah dan kepimpinan beliau. *Bay‘ah* di sini lebih besar maknanya dari istilah legitimasi dalam ilmu sains politik moden kerana ia bererti ketaatan kepada aqidah Islam selain kepada kepimpinan itu. Dari legitimasi yang pertama diberi oleh wanita mampu menarik *bay‘ah* selanjutnya dari golongan ini iaitu *bay‘ah al-nisā’*.

Hal inilah yang berlaku dalam sistem politik moden hari ini, iaitu bukan sekadar meraih undi dari golongan wanita, bahkan ada usaha untuk menambah kerusi pencalonan kerana memandangkan jumlah dan keupayaan mereka yang kian meningkat.

Selain daripada itu, wanita juga tidak asing dalam pembuatan keputusan oleh Rasulullah s.‘a.w kerana mereka turut sama memberikan pandangan. Antaranya yang berkaitan dengan kedudukan mereka dalam peperangan. Antaranya pandangan Ummu Salamah dalam peperangan Hudaibiyah. Keputusan Baginda Rasulullah s.a.w membenarkan kaum wanita membantu kaum lelaki dalam peperangan walaupun dilihat sebagai bekerja di ‘balik tabir’, namun cukup menjadi bukti pengiktirafan terhadap peranan mereka dalam politik. Walaupun perjuangan Rasulullah tidak menyerupai politik dalam konteks hari ini apabila ia benar-benar diusahakan kerana Allah SWT, tetapi aspek keselamatan agama, bangsa dan tanahair adalah aspek utama dalam politik hari ini.

Motivasi yang tinggi selain aspek penjagaan yang dilaksanakan oleh wanita dalam peperangan antaranya Uḥud dan Ḥunayn terbukti melicinkan urusan dakwah dan menyelamatkan kedudukan masyarakat Islam dari terus ditindas dan dihina oleh

kaum musyrikin. Ini adalah aspek penting pada ketika itu dan di sinilah kemaslahatan yang barangkali dilihat oleh Baginda Rasulullah s. 'a.w apabila menerima pandangan dan sumbangan wanita walaupun mereka mempunyai komitmen dalam rumahtangga.

Begitu juga peranan wanita dalam penentuan keputusan atau hukum di zaman saidina 'Umar bin al-Khaṭṭāb seperti dalam aspek penentuan kadar mahar dan tempoh lama wanita boleh bersabar apabila ditinggalkan suami.¹ Walaupun kedua-dua isu tersebut adalah isu wanita, namun tindakan seorang khalifah yang terkenal dengan ketegasannya tetapi mahu mengambilkira pandangan wanita, jelas menunjukkan bahawa pandangan mereka sangat penting dalam penentuan sesuatu dasar sosial yang tidak bercanggah dengan hukum Islam.

Contoh lain yang lebih dekat dengan urusan pemerintahan ialah penglibatan Zubaydah binti Ja'far iaitu isteri kepada khalifah Hārūn al-Rasyīd (786M-809M) yang telah mengarahkan sekumpulan ahli masyarakat untuk menggali parit atau tali air dari Mesopotamia ke Mekah yang dinamakan sebagai '*ayn Zubaydah*'.² Tali air tersebut yang kini dalam kajian untuk pembinaan semula oleh Kerajaan Saudi³ bukan sekadar telah memudahkan para musafir untuk melepaskan dahaga tetapi melaksanakan ibadat Haji dengan selesa.

Apa yang dilakukan oleh beliau bukan sekadar memberi idea tetapi telah membentuk suatu dasar sosial yang efektif bagi kerajaan Bani 'Abbāsiyyah pada ketika itu. Perlaksanaan pembinaan tali air ini adalah usaha pentadbiran negara yang jelas dipelopori oleh seorang wanita Islam. Dan sumbangan ini adalah sumbangan yang besar kepada sesebuah pemerintahan, iaitu menggubal suatu dasar yang memberi masalah yang besar kepada masyarakat.

Namun persoalannya ialah sejauhmanakah peranan wanita dalam politik dibenarkan dalam Islam dan apakah kod etika yang patut dipatuhi oleh wanita Islam yang berpolitik. Persoalan ini walaupun bukan persoalan baru kerana telah dibincangkan oleh ulama' *salaf* dan *khalaf*, namun ia dianggap baru dalam konteks kehidupan hari ini yang sudah jauh berbeza dengan gaya hidup yang seringkali disebut sebagai 'moden' dan 'liberal'.

Istilah tersebut walaupun tidak asing dalam kamus pembangunan Islam namun, ada pandangan semasa yang tidak sama sekali membenarkan wanita terlibat dengan urusan politik dalam apa bentuk sekalipun kerana berpegang bahawa urusan politik adalah milik kaum lelaki. Begitu juga ada pandangan semasa yang menuntut supaya wanita diberi hak berpolitik sebagaimana kaum lelaki tanpa pengecualian berdasarkan hujah kemanusiaan dan hak asasi sehingga ada yang menuntut untuk dibenarkan menjadi Imam dalam solat. Pandangan-pandangan semasa ini perlu diperjelaskan dengan mengutip semula pandangan fuqaha' lampau dan

kontemporari untuk diambil dan disesuaikan dengan keperluan hidup berpolitik hari ini supaya masyarakat Islam tidak terus berada dalam kekeliruan. Apatah lagi apabila ada hasil kajian⁴ yang diselia oleh penulis yang menunjukkan bahawa masih ramai di kalangan wanita Islam khususnya luar bandar yang tidak mengetahui kedudukan ini atau mempunyai tanggapan yang salah tentang kedudukan wanita dalam politik menurut Islam.

Oleh itu, penjelasan kepada dua perkara tadi bukan sekadar dapat memberikan kefahaman atau memperbaiki salah tanggapan sesetengah golongan wanita tetapi mampu meningkatkan fungsi wanita dalam politik. Untuk tujuan tersebut, kupasan ini tidak sekadar mengambilkira aspek hukum tetapi juga *siyāsah* iaitu bagaimana kesesuaian sesuatu hukum diaplikasikan dalam budaya politik masyarakat yang sering berubah-ubah. Mengenalpasti hukum sesuatu perkara adalah asas dalam perbincangan ini. Namun, di samping itu, aspek-aspek *siyāsah* yang melibatkan etika pelaksanaan, budaya masyarakat di Malaysia serta kemaslahatan dan kemudaran kepada pelaksanaan sesuatu hukum yang diambil melalui ijtihad ulama' juga diambilkira.

Penglibatan Wanita Dalam Politik Menurut Perspektif Hukum Dan Siasah

Sebelum dibincangkan penglibatan wanita dalam politik, terlebih dahulu perlu dijelaskan tentang bentuk-bentuk penglibatan mereka dalam politik yang membawa kepada perbezaan hukum.

Terdapat sekurang-kurangnya dua bentuk utama penglibatan dalam politik sama ada yang dibincangkan oleh ahli sains politik moden mahupun oleh ahli fiqh, iaitu penglibatan secara langsung dan tidak langsung (*direct and indirect participation*) dalam istilah sains politik moden, atau yang dinyatakan oleh ahli fiqh dalam pembahagian bidangkuasa wanita dalam urusan luarnya kepada dua bidangkuasa yang dinamakan sebagai *wilāyah khāṣṣah* dan *wilāyah 'Āmmah* bagi wanita. Walaupun terdapat pelbagai kontradiksi definisi dan tanggapan pada kedua-dua istilah ini⁵ namun untuk tujuan penulisan ini penulis telah merumuskan *wilāyah khāṣṣah* kepada bidangkuasa dan bidangkerja yang khusus atau biasa bagi wanita melaksanakannya dan yang boleh dilaksanakan kerana sifat tugas tersebut yang dekat dengan naluri kewanitaan. Manakala *wilāyah 'Āmmah* adalah bidangkuasa dan kerja yang umum sifatnya yang memerlukan kepada kuasa kerja yang luas yang melibatkan pembuatan keputusan di peringkat yang tinggi. Bidangkuasa ini kebanyakannya tidak dibenarkan oleh ulama'. Antaranya ialah jawatan sebagai khalifah atau istilah-istilah lain yang seumpamanya.⁶

Dalam konteks memahami penglibatan wanita dalam istilah moden iaitu secara

langsung atau tidak langsung pula, penulis mengambil istilah *wilāyah 'Āmmah* bagi menjelaskan tentang penglibatan wanita secara langsung iaitu apabila seseorang itu melibatkan diri secara langsung dalam proses politik seperti pengundi, menjadi ahli dalam mana-mana parti, penasihat politik, memimpin parti politik, menggubal dasar negara serta menentukan corak pemerintahan atau lain-lain tugas yang melibatkan pembuatan keputusan di peringkat atasan.⁷

Menurut Imām al-Māwardī, *wilāyah 'Āmmah* merujuk kepada penglibatan dalam politik yang memberikan seseorang itu kuasa politik tertinggi seperti khalifah atau jawatan-jawatan yang melibatkan pemerintahan masyarakat keseluruhannya seperti memegang jawatan sebagai hakim, ketua angkatan tentera, *wazīr* (menteri) dan lain-lain.⁸ Ada pula pandangan yang mengaitkan penglibatan dalam *wilāyah 'Āmmah* ini kepada badan legislatif, eksekutif dan judisiari⁹ yang merupakan jentera penggerak utama kerajaan dalam sistem politik sesebuah negara.

Manakala *wilāyah khāṣṣah* juga akan digunakan oleh penulis bagi merujuk kepada penglibatan wanita secara tidak langsung iaitu apabila wanita hanya menceburkan diri dalam lapangan politik yang kecil seperti membantu urusan-urusan politik sebagai pentadbir, terlibat dalam hal ehwal perkeranian, pengkritik politik, penganalisis politik, mendengar ceramah politik, dan sebagainya.¹⁰ Selain itu, ia juga merujuk kepada kuasa politik wanita yang berkait rapat dengan politik mereka seperti jawatan sebagai ketua pergerakan wanita, menteri hal ehwal wanita dan sebagainya.

Oleh itu, kedua-dua istilah kuasa politik telah diselaraskan oleh penulis bagi memberikan gambaran yang lebih jelas kepada pembaca.

Penglibatan Politik Wanita Dalam *Wilāyah 'Āmmah*

Sebagaimana yang telah disebut di awal penulisan ini, ruang lingkup kuasa bagi *wilāyah* ini adalah besar dari sudut ia melibatkan jawatan-jawatan tertinggi negara dan keputusan yang dihasilkan akan melibatkan seluruh masyarakat atau penglibatannya yang bersifat langsung dalam proses politik. Antara jawatan utama yang termasuk dalam kategori ini ialah jawatan khalifah.

Bagi jawatan ini, para ulama' telah bersepakat mengatakan bahawa wanita tidak dibenarkan menjadi khalifah atau istilah biasa yang terpakai hari ini ialah ketua negara.¹¹ Ini adalah kerana tanggungjawab seorang khalifah adalah berat yang meliputi tugas sebagai pengganti kepimpinan Rasulullah s. 'a.w dalam menegakkan agama Islam dan melaksanakan politik dan pentadbiran negara berdasarkan panduan syara'.¹²

Dengan tanggungjawab yang berat inilah jumbuh ulama' sepakat meletakkan syarat perlantikan ketua negara itu dari kalangan kaum lelaki. Kekuatan hujah ini disokong oleh nas-nas al-Quran iaitu sebagaimana firmanNya;

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin kepada kaum wanita."

Ibn Kathīr di dalam kitabnya *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm* dan al-Ṭabarī dalam *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*, kedua-duanya berpendapat bahawa perkataan 'qawwam' di dalam ayat di atas menunjukkan kelebihan kaum lelaki dari perempuan dari sudut kepimpinan sebagaimana tanggungjawab kerasulan dan kenabian yang juga dikhususkan kepada mereka.¹³

Firman Allah lagi:

وَلِلرِّجَالِ عَلَى النِّسَاءِ دَرَجَةٌ

"Bagi kaum lelaki ke atas kaum wanita itu dengan satu darjah."

Al-Qurtubī di dalam tafsirnya *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān*¹⁴ telah menafsirkan perkataan 'darajah' di dalam ayat di atas sebagai kelebihan dan keistimewaan kaum lelaki dari sudut kekuatan fizikal, akal dan ketegasan yang menjadi tunggak kekuatan dalam urusan pemerintahan.

Selain daripada nas di atas, para ulama' juga mengeluarkan hukum tersebut bersandarkan kepada hadith Rasulullah s. 'a.w yang diriwayatkan oleh Abu Bakrah tentang anak perempuan Kisra iaitu Buran yang menjadi Raja Parsi selepas kematian ayahandanya.¹⁵

"Dari Abū Bakrah, beliau berkata: Sesungguhnya Allah telah memberi manfaat kepadaku dengan suatu kalimat di hari al-Jamal selepas aku berpenat bersama ahli-ahli al-Jamal dan aku berperang bersama mereka, tatkala telah disampaikan berita kepada Nabi s. 'a.w bahawa sesungguhnya orang Parsi telah melantik anaknya, (anak perempuan Kisra) sebagai pemimpin mereka, bersabda Rasulullah s. 'a.w: Tidak akan mencapai kemenangan (kejayaan) selama-lamanya sesuatu kaum yang melantik wanita untuk memimpin urusan mereka."

Di dalam hadith yang lain Baginda juga bersabda (bermaksud):¹⁶

"Binasalah kaum lelaki apabila mentaati perempuan-perempuan mereka (diulang tiga kali)."

Dalam mentafsirkan hadith di atas Imām al-Shawkānī berpendapat bahawa wanita tidak dibolehkan menjadi ketua negara.¹⁷

Perlu diperjelaskan di sini bahawa walaupun wanita tidak dibenarkan menjawat jawatan tertinggi negara, ia bukanlah merupakan suatu hukum yang bersifat merendahkan-merendahkan keupayaan mereka. Pengecualian ini adalah suatu penghormatan Islam untuk tidak membeban atau memberatkan mereka. Sedangkan dalam masa yang sama ia adalah amanah Allah yang sangat besar iaitu untuk memimpin umat dalam urusan dunia dan akhirat mereka sekaligus. Sekiranya ini disedari oleh kaum wanita sudah tentu persoalan menuntut hak untuk berada di hierarki yang tertinggi negara tidak timbul. Ini berbeza dengan masyarakat barat yang tidak mempunyai aspek *siyāsah al-dīn* dalam apa jua jawatan yang mereka pegang.

Namun dalam konteks di Malaysia, persoalan seperti adakah jawatan perdana menteri itu boleh disama tarafkan hierarkinya dengan khalifah atau ketua negara secara umum juga penting untuk dibahaskan. Secara akademiknya, penulis mendapati ada dua aspek penting yang perlu diambilkira dalam menjawab persoalan ini. Pertama, kedudukan hierarki politik. Kedua, sekiranya hierarki bagi jawatan perdana menteri adalah tidak sama dengan jawatan khalifah, ia akan membawa hukum yang berbeza namun pelaksanaan hukum berdasarkan *siyāsah syar'iyah* Malaysia perlu diambilkira.

Melihat kepada sistem pemerintahan di Malaysia, jawatan tertinggi negara adalah milik Yang DiPertuan Agong (YDPA) sebagai ketua utama negara (Ketua eksekutif).

Antara fungsi utama baginda ialah;

- Baginda merupakan ketua agama di Wilayah Persekutuan dan di negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja.
- Baginda adalah pemerintah tertinggi angkatan tentera dan berkuasa melantik hakim-hakim serta beberapa jawatan penting yang lain.
- Perlembagaan memberi kuasa kepada baginda untuk memelihara kedudukan istimewa orang-orang Melayu serta ke atas 3 perkara iaitu melantik Perdana Menteri, tidak mempersetujui permintaan membubarkan

Parlimen dan memanggil untuk mesyuarat Majlis Raja-raja.

- Baginda juga berkuasa memanggil, memberhenti dan membubarkan parlimen.
- Baginda juga dikehendaki menandatangani (mempersetujui) iaitu dengan menurunkan mohor kepada setiap undang-undang yang telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan (Dewan Negara dan Dewan Rakyat).¹⁸

Melihat kepada kedudukan ini, dapatlah disimpulkan bahawa ketua tertinggi negara ini adalah YDPA dan dengan itu saya berpendapat bahawa wanita tidak diharuskan menjadi ketua negara di Malaysia kerana jawatan YDPA tidak dipertandingkan. Malah sekiranya jawatan tersebut dipertandingkan sekalipun maka kita perlu berpegang kepada pandangan ijma' ulama' di atas.

Walaupun demikian, ini tidaklah pula memberi faham tanpa penilaian yang mendalam tentang jawatan perdana menteri yang boleh disandang oleh wanita. Sungguhpun jawatan perdana menteri dianggap tidak termasuk dalam perbincangan jawatan khalifah, namun ia masih termasuk dalam kategori *wilayah 'Ammah*. Iaitu jawatan kedua tertinggi yang utama dalam pembuatan keputusan negara. Namun begitu, perbincangan kepada jawatan ini, juga banyak bergantung kepada peranan dan kekuatan politik seseorang perdana menteri itu. Contohnya di Malaysia, walaupun kita telah mempunyai empat orang perdana menteri yang bersilih ganti, namun kekuatan politik masing-masing adalah berbeza. Kekuatan idiosinkratik ini memberikan gambaran tentang kedudukan jawatan tersebut dan sekaligus menentukan persepsi masyarakat tentang wanita sebagai perdana menteri.

Secara hukumnya, apabila jawatan tersebut bukan setara dengan jawatan khalifah antaranya dari aspek hierarki, maka di situ terdapat ruang perselisihan pandangan di kalangan ulama'. Perbezaan itu juga dikenali pasti bukan sekadar kerana dalil-dalil yang digunakan tetapi juga kerana perbezaan zaman antara mereka, sehingga lahir istilah-istilah seperti ulama' salaf dan khalaf, ulama' tradisional dan kontemporari. Semua ini tidak menjejaskan hukum apabila sesuatu masalah itu tidak terdapat jawapan yang khusus dan qat'ie di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Persoalan wanita menjawat jawatan selain dari ketua tertinggi, maka ada perselisihan jawapan oleh para ulama'. Ada yang berpendapat tidak boleh dan ada yang berpendapat boleh dengan syarat. Perincian ini akan diterangkan kemudian. Penulis hanya mahu merumuskan bahawa jawatan tersebut adalah kedudukan yang *dikhtilafkan*. (diperselisihkan). Namun, dalam mengambil mana-mana hukum kita perlu melihat aspek yang kedua dalam siasah iaitu aspek *maslahah* (kebaikan). Adakah dengan menerajui jawatan tersebut akan memberi *maslahah* kepada masyarakat dan tidak merosakkan institusi politik yang utama iaitu keluarga. Sama

ada budaya politik semasa boleh menerima wanita sebagai Perdana Menteri. Jika dilihat dalam suasana politik tanah air, politik kita dikuasai oleh kaum lelaki. Antaranya dengan melihat jumlah wanita dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Jumlah wanita dalam Dewan Rakyat kini ialah seramai 20 orang, manakala dalam Dewan Negara yang dilantik oleh Dewan Undangan Negeri seramai 7 orang dan jumlah wanita sebagai ahli Dewan Negara yang dilantik oleh YDPA adalah seramai 10 orang.¹⁹

Dengan jumlah itu, persoalan wanita sebagai Perdana Menteri sekarang tidak berbangkit.

Rumusan utama di sini ialah terdapat ruang perbincangan dalam meletakkan hukum wanita sebagai perdana menteri iaitu dengan melihat kedudukan hierarki, fungsi politik di bawah sistem demokrasi berperlembagaan, kredibiliti dan keupayaan, kemaslahatan dan budaya politik masyarakat. Adalah tidak tepat pada pandangan penulis kita terus menyamakan jawatan tersebut dengan jawatan khalifah tanpa mengambilkira aspek siasah semasa. Begitu juga tidak bijak jika kita memberi pandangan tentang kedudukan ini semata-mata berasaskan emosi dan bias.

Hukum Penglibatan Wanita Dalam Politik Selain Daripada Jawatan Khalifah

Jawatan-jawatan lain yang juga termasuk dalam *wilāyah ‘Āmmah* sebagaimana yang dibincangkan oleh para ulama’ ialah jawatan menteri (*wazīr*). Dalam hal ini terdapat dua pandangan yang berbeza sama ada wanita boleh menjadi menteri atau tidak.

Menurut pandangan yang pertama (antaranya yang dikemukakan oleh al-Māwardī) wanita juga tidak dibolehkan menjadi menteri khususnya yang melibatkan penggubalan dasar dan keputusan negara kerana sifat jawatan ini yang hampir sama bidangkuasanya dengan ketua negara iaitu membuat keputusan yang melibatkan rakyat seluruhnya. Apabila seseorang ketua negara tiada, tanggungjawab memimpin negara akan diambilalih pula oleh menteri-menteri utama di bawahnya.

Pandangan yang kedua (antaranya dikemukakan oleh Ibn Ḥazm) berpendapat bahawa wanita boleh menjadi menteri atau jawatan lain selain khalifah kerana tiada nas atau dalil yang jelas menghalang penglibatan tersebut. Menurut beliau, hadith yang diriwayatkan oleh Abū Bakrah juga hanya merujuk kepada jawatan ketua negara.²⁰ Pandangan ini disokong oleh keumuman ayat Allah SWT dalam firmanNya:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka adalah menjadi penolong kepada sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma‘ruf dan melarang kemungkaran.”

Selain daripada itu, pandangan tersebut juga berpandukan kepada hadith Rasulullah s.‘a.w tentang kepimpinan yang melibatkan semua golongan, sama ada lelaki mahupun wanita:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

“Setiap dari kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin adalah bertanggungjawab atas mereka yang dipimpin”.

Perbezaan pandangan ini bukan sekadar kerana tiadanya nas yang *qat‘i* dan *sarih* (jelas) tentang kuasa wanita dalam politik tetapi juga kerana wanita tidak pernah melibatkan diri secara langsung dalam politik berjawatan sepanjang zaman Rasulullah s.‘a.w.

Dari penjelasan di atas, jelas menunjukkan bahawa wanita mempunyai hak untuk melibatkan diri dalam politik *wilāyah* ‘*Ammah* sekiranya berpegang kepada pandangan yang kedua, kecuali bagi jawatan tertinggi negara iaitu khalifah yang telah disepakati pengecualiannya oleh majoriti ulama’. Dalam suasana politik di Malaysia, penglibatan wanita Islam dalam politik telahpun berada di peringkat ini.

Penglibatan Politik Wanita Dalam *Wilāyah Khāṣṣah*

Kuasa politik yang dimaksudkan dalam *wilāyah* ini adalah lebih sempit dan khusus tetapi penulis mengkategorikannya sebagai penglibatan tidak secara langsung iaitu yang melibatkan kepimpinan dan pentadbiran wanita dalam bidangkuasa yang terhad dan tidak melibatkan keputusan tertinggi kepada seluruh masyarakat. Para ulama’ rata-rata bersetuju tentang hukum penglibatan wanita dalam hal-hal yang berada dalam ruang lingkup *wilāyah* ini adalah dibenarkan. Hak memegang jawatan dalam ruang lingkup kuasa ini adalah berpandukan kepada ayat-ayat al-Qur’an sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini antaranya dalam surah al-Tawbah: 71, Al ‘Imrān: 104 dan al-Baqarah: 30.

Namun begitu, kebenaran ini perlu digunakan selaras dengan etika berpolitik kerana sekiranya etika ini dilanggar ia boleh mengubah kedudukan hukum asal.

Etika Berpolitik Bagi Wanita Menurut Islam

Secara umumnya, sebagai seorang pemimpin, wanita sebagaimana juga kaum lelaki perlulah mempunyai ilmu pengetahuan serta keupayaan dan kebolehan untuk memimpin dan mentadbir di samping mempunyai nilai-nilai akhlak yang tinggi seperti amanah, adil serta menjaga batas-batas aurat dan pergaulan bagi melindungi kaum wanita daripada fitnah.

Selain daripada itu, wanita juga perlu memenuhi etika khusus apabila berurusan di luar rumah termasuklah dalam aktiviti politik. Etika tersebut termasuklah mendapat keizinan wali atau suami, tidak mengabaikan tanggungjawab asasi sebagai isteri dan ibu dalam unit kekeluargaan serta memastikan kualiti tugas dalam rumahtangga serta tidak menimbulkan kemudaratan sama ada kepada diri atau kumpulan yang dipimpin.

Kesimpulan

Kedudukan wanita dalam politik adalah suatu hak yang tidak dikecualikan dalam Islam. Peranan wanita dalam membangunkan politik negara diakui bermula dari penganugerahan hak bagi wanita untuk menimba ilmu pengetahuan. Dengan adanya ilmu, wanita dapat menyumbang kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara untuk memartabatkan agama Islam itu sendiri.

Allah s.w.t telah mendaulatkan kehormatan dan harga diri wanita dan meletakan wanita setaraf dengan kaum lelaki dalam menjalani kehidupan di bumiNya. Kedudukan dan tanggungjawab wanita dalam pelbagai aspek kehidupan juga telah digambarkan melalui sejarah-sejarah Islam silam. Antara tokoh-tokoh wanita yang dikagumi termasuklah saidatina Khadijah Binti Khuwailid, saidatina 'Ā'ishah Binti Abū Bakr, saidatina Fāṭimah al-Zahrā', Asmā' Binti Abū Bakr, Zubaydah Binti Ja'far dan lain-lain lagi. Ketrampilan mereka dalam perniagaan, kebajikan, keilmuan, dan pandangan-pandangan yang bernas dalam pembangunan negara adalah bukti bahawa hak mereka dalam politik secara umum tidak dinafikan.

Tetapi oleh kerana tiada dalam lipatan sejarah silam wanita melibatkan diri secara langsung dalam politik negara, maka para ulama' telah membahaskan kedudukan wanita dalam jawatan-jawatan penting politik negara sama ada dibolehkan atau tidak. Antara perbahasan mereka ialah ke atas jawatan khalifah dan *wazīr* (menteri). Kedua-dua jawatan ini dikategorikan sebagai jawatan yang mempunyai ruang lingkup kuasa yang tinggi atau yang disebut sebagai *wilāyah 'Ammah* bagi wanita.

Para ulama' telah sepakat berpendapat bahawa wanita tidak dibenarkan menjawat jawatan sebagai khalifah atau lain-lain istilah yang seumpamanya seperti *Amir* atau *Amir al-Ūmarā'* berdasarkan kepada dalil-dalil dari al-Quran dan al-Sunnah dan fungsinya yang tinggi. Manakala bagi jawatan-jawatan penting yang lain seperti menteri, para ulama' telah berbeza pandangan. Sebahagiannya tidak membenarkan sekiranya ia melibatkan bidang tugas yang hampir sama dengan khalifah iaitu menggubal dasar dan membuat keputusan-keputusan terakhir yang melibatkan seluruh rakyat .

Manakala sebahagiannya pula membenarkan atas alasan tidak ada dalil yang jelas menunjukkan demikian. Dalam konteks semasa di mana wanita semakin maju, berkemahiran dan berpengetahuan serta dapat membuat keputusan dengan baik adalah tidak menjadi halangan bagi mereka untuk dilantik sebagai menteri. Apatah lagi jawatan tersebut bukan bererti seseorang itu boleh menggubal dasar atau membuat keputusan dengan fikirannya sendiri semata-mata tetapi semua urusan politik dan pentadbiran adalah dijalankan secara kolektif.

Manakala jawatan-jawatan politik yang lain yang termasuk dalam *wilāyah khāṣṣah* iaitu jawatan yang tidak melibatkan seluruh rakyat atau politik secara langsung kecuali jawatan-jawatan yang khas untuk wanita adalah dibolehkan berasaskan kepada hak politik yang diberi kepada setiap individu sama ada lelaki mahupun wanita dan atas alasan bahawa jawatan yang khusus untuk wanita wajar diberi kepada mereka kerana mereka lebih arif tentang hal-hal yang bersangkutan dengan keperluan mereka.

Perbahasan hukum oleh para ulama' tentang ruang lingkup kuasa yang boleh dimiliki oleh wanita dalam berpolitik bukan bertujuan untuk mempertikaikan hak, kemampuan dan kebolehan wanita berpolitik tetapi adalah untuk melindungi wanita itu sendiri dari menjalankan tanggungjawab yang tidak sepatutnya dibebankan ke atas mereka. Di samping bertujuan untuk memastikan kaum wanita tidak mengabaikan tanggungjawab asasinya sebagai isteri dan ibu kepada unit politik yang lebih utama iaitu keluarganya.

Dengan itu, jelas menunjukkan bahawa tidak ada diskriminasi hak dalam berpolitik bagi kaum wanita selagi mereka mematuhi etika berpolitik yang telah ditetapkan dalam Islam. Iaitu menjaga etika berpakaian, pergaulan, tidak mengabaikan tanggungjawab rumahtangga, mendapat persetujuan wali atau suami serta tidak menimbulkan kemudaratan kepada diri, keluarga, masyarakat atau negara.

Nota Hujung

1. Yūsuf al-Qaradāwī, *Min Fiqh al-Dawlah fī al-Islam*, (terj.) Arsil Ibrahim, Kuala Lumpur: ABIM, 2002, hal. 264.
2. 'Abd al-Muta'āl Muḥammad al-Jabarī, *al-Mar'ah fī al-Taṣawwur al-Islāmī*, cet. 2, Kaherah: Maktabah Wahbah, hal. 35.
3. The Saudi Arabian Information Resource-Home page- <http://www.saudinf.com/main/y1548.htm>
4. Norainita Pakir, (2000), "Penyertaan Wanita Melayu Di Dalam Politik: Satu Tinjauan Di Kampung Kanchong Darat Daerah Kuala Langat" (Kertas Projek, Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)
5. Muḥammad al-Ḥasan al-Ḥusain al-Sharafi, (1987), *Wilāyah al-Mar'ah fī al-Islām, Bahth Muqāranah*, Universiti Cairo, hal. 87-91
6. 'Abd al-Muta'āl Muḥammad al-Jabarī, *op.cit.*
7. *Ibid.*
8. Al-Māwardī, (t.t) *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, Beirut: Dār al-Fikr, hal. 15
9. Muhammad bin 'Alī al-Shawkānī, (1961), *Nayl al-Awtār Syarḥ al-Muntaqā al-Akhbār min Aḥādīth Sayyid al-Akhyār*, Kaherah: Maktabah Muṣṭafā al-Halabi, jilid 8, hal. 297
10. R.A. Dahl, (1979), *Modern Political Analysis*, New Jersey: Prentice Hall Inc., hal. 22-23.
11. Namun istilah ketua negara (bukannya khalifah) boleh diperincikan berasaskan sistem pemerintahan sesebuah negara dan hukumnya juga boleh diijhtihadkan apabila fungsi ketua negara itu berbeza dengan fungsi khalifah. Contohnya jawatan Presiden dalam sistem politik Indonesia adalah berbeza dengan jawatan Perdana Menteri di Malaysia kerana sistem demokrasi berparlimen dan berperlembagaan yang berbeza. Di sinilah pelaksanaan secara siasah syar'iyah mengambil tempat.
12. 'Abd al-Qadīr Awdah, (t.t), *al-Islām wa Awdā'unā al-Siyāsiyyah*, Mesir: Dār al-Mukhtār al-Islāmī, hal. 92.
13. Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, juz. 1, hal. 491. Lihat juga al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jld. 1, hal. 59.
14. Al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, Kaherah: Dār al-Sha'b, jil. 1, hal. 168.
15. Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, juz. 13, hal. 126, hadith no. 4425.
16. Aḥmad Ibn Hanbal, (t.t) *Musnad Imām Aḥmad Ibn Hanbal*, Istanbul, jld. 5, hal. 36.
17. Al-Shawkānī, (t.t) *Nayl al-Awtār*, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabi wa Awladuh, jld. 8, hal. 297.

18. Perlembagaan Persekutuan, antaranya Perkara 39, Per 43(1), (2) (a), (5) dan Per. 43 (6).
19. <http://www.kpwk.gov.my/profile/dasar.html>
20. Ibn Hazm, (1970) *al-Muḥallā*, Mesir: Maṭba'ah al-Jumhūriyyah, jld. 9, hal. 55.